

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	KAWASAN SUNGAI DANGA JADI TEMPAT LUPUS SAMPAH
	SUMBER	BH (3 OKTOBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

BH Khamis, 3 Oktober 2024

Nasional

19

Kawasan Sungai Danga jadi tempat lupus sampah

Penduduk gesa ambil tindakan tegas atasi pencemaran

Oleh Mary Victoria Dass
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Tapak pelupusan sampah haram berhampiran Sungai Danga, dekat sini didakwa menyebabkan pencemaran udara dan menjejaskan keselesaan

penduduk yang berterusan sejak lebih setahun lalu.

Ahli Parlimen Pulau, Suhaizan Kariat, kesal dengan sikap pihak tidak bertanggungjawab yang menjadikan kawasan pinggir sungai itu sebagai tempat pembuangan sampah.

Beliau berkata, menerusi tinjauan mendapati beberapa lokasi di kawasan tepi sungai itu turut mengesan longgokan sampah.

“Lokasinya adalah berhampiran Kampung Tuah Jaya di Taman Perling dan ia sudah pasti akan mengganggu ekosistem sungai berdekatan.

“Tinjauan kami juga menda-



Suhaizan meninjau kawasan pelupusan sampah haram berhampiran Sungai Danga di Kampung Tuah Jaya, Perling.
(Foto ihsan Suhaizan)

ti terdapat tong roro dari lori yang membawa sampah secara aktif ditinggalkan di situ termasuk sampah binaan dan domestik hingga meninggalkan kesan bau dan berlaku pencemaran udara sejak kebelakangan ini.

“Bau busuk di situ amat kuat dan ia mengganggu penduduk sekitar, malah timbunan sampah boleh

mengakibatkan pembiakan nyamuk yang menyumbang kepada penularan penyakit seperti denggi dan sebagainya,” katanya menerusi kenyataan media semalam.

Tanah rizab JPS

Suhaizan berkata, pihaknya sudah memaklumkan perkara itu kepada SW Corp dan menggesa

mengambil tindakan tegas serta langkah efektif menghapuskan tapak pelupusan sampah haram di Parlimen Pulau dengan segera.

“Kami juga menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menutup segera tapak pelupusan itu kerana ia menggunakan tanah rizab JPS,” katanya.

2.	TAJUK	SUNGAI LUBOK GAYONG DICEMARI MINYAK SAWIT MENTAH
	SUMBER	HARIAN METRO (3 OKTOBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	4 (LOKAL)



LORI tangki membawa muatan minyak sawit terbabas masuk ke dalam sungai Lubok Gayong.

LORI TANGKI TERBABAS

Sungai Lubok Gayong dicemari minyak sawit mentah

Kuantan: Sebanyak lapan hingga 12 tan minyak sawit mentah (CPO) mencemari Sungai Lubok Gayong, Benta, Lipis susulan kemalangan lori tangki yang membawa bahan mentah itu.

Dalam kejadian jam 9 pagi kelmarin, lori tangki dalam perjalanan ke Semenyih, Selangor dengan membawa muatan minyak sawit seberat 42 tan dikatakan terbabas masuk ke dalam sungai berkenaan.

Susulan itu berlaku kebocoran dan tumpahan CPO dari tangki lori berkenaan.

Jabatan Alam Sekitar (Jas) Pahang dalam kenyataannya mengesahkan terdapat tumpahan CPO akibat insiden itu dan tindakan segera dilakukan oleh pihak pemilik lori tangki berkenaan.

"Anggaran CPO yang tumpah kira-kira 8 hingga 12 tan iaitu 20 peratus hingga 30 peratus daripada kapasiti penuh tangki iaitu 40 tan.

"Tindakan pembersihan tumpahan minyak dan mengeluarkan tangki lori dijalankan oleh pihak transporter serta syarikat pemilik CPO berkenaan di lokasi kejadian dan kawasan sungai berkenaan," katanya.

Menurut kenyataan itu, Jas turut memeriksa bahagian hilir sungai lokasi

kejadian dan mendapati tiada lagi kesan minyak sawit mengalir ke kawasan hilir sungai di Sungai Lipis.

"Pemeriksaan lanjut juga mendapati tiada loji rawatan air terdekat yang terkesan dengan kejadian ini," katanya.

Sementara itu Ketua Polis Daerah Kuala Lipis Supt Ismail Man berkata, siasatan awal polis mendapati treler dipandu mangsa hilang kawalan lalu terbabas ke kiri jalan dan melanggar tiang elektrik TNB.

"Insiden itu menyebabkan muatan tangki minyak sawit itu tergolek ke dalam anak sungai Lubok Gayong.

"Akibat kemalangan itu, pemandunya dari Felda Jengka 11, Jerantut cedera pada bahagian belakang badan dan dihantar ke Klinik Kesihatan Benta untuk rawatan lanjut," katanya. - Bernama

"Anggaran CPO yang tumpah kira-kira 8 hingga 12 tan iaitu 20 peratus hingga 30 peratus daripada kapasiti penuh tangki iaitu 40 tan"

Jas

3.	TAJUK	SITUASI SEMAKIN BURUK
	SUMBER	HARIAN METRO (3 OKTOBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	21 (LOKAL)

Penduduk Kampung Tuah Jaya terkesan pencemaran dek tapak pelupusan sampah haram

Oleh Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Selepas penduduk bandar raya ini dihantui masalah pencemaran bau pada awal bulan lalu, sebuah tapak pelupusan sampah haram berhampiran Sungai Danga di sini didakwa mengundang pencemaran udara serta menjejaskan kesejahteraan penduduk sekitar.

Ahli Parlimen Pulai, Suhaizan Kaiat berkata, pihaknya kesal dengan sikap pihak tidak bertanggungjawab yang menjadikan ka-

Situasi semakin **buruk**

wasan pinggir sungai itu sebagai tempat pembuangan sampah.

Beliau berkata, pihaknya difahamkan aktiviti pembuangan sampah itu dijalankan sejak lebih setahun lalu dan lebih malang ia menjadi semakin serius.

Menurutnya, menerusi tinjauan dilakukan pihaknya mendapati beberapa lokasi di kawasan pinggir sungai itu mempunyai longgokan sampah.

"Lokasinya adalah berhampiran Kampung Tuah Jaya di Taman Perling dan ia sudah pasti akan mengganggu ekosistem sungai berdekatan.

"Tinjauan kami juga mendapati terdapat tong roto dari lori yang membawa sampah secara aktif ditinggalkan di situ termasuk sampah binaan dan domestik hingga meninggalkan kesan bau dan berlaku pencemaran udara sejak kebelakangan ini.

"Bau busuk di situ amat



SUHAIZAN meninjau kawasan pelupusan sampah haram berhampiran Sungai Danga di Kampung Tuah Jaya, Perling.

kuat dan ia mengganggu penduduk sekitar. Malah timbunan sampah boleh mengakibatkan pembiakan nyamuk yang menyumbang kepada penularan penyakit seperti denggi dan sebagainya," katanya menerusi kenyataan media semalam.

Suhaizan berkata, pihaknya mendapati roto yang mengangkut sampah mempunyai nama syarikat berdaftar serta nombor telefon.

Menurutnya, pihaknya sudah memaklumkan perkara itu kepada SWCorp dan menggesa mereka mengambil tindakan tegas serta langkah yang efektif dalam menghapuskan tapak pelupusan sampah haram di parlimen Pulai ini dengan segera.

"Kami juga menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menutup segera tapak pelupusan itu kerana ia menggunakan tanah rezab JPS," katanya.

4.	TAJUK	'PENYAHWARTAAN 548.1 HEKTAR HUTAN SIMPAN SEGARI MELINTANG TIDAK JEJAS PENDUDUK'
	SUMBER	BH (4 OKTOBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (NASIONAL)

'Penyahwartaan 548.1 hektar Hutan Simpan Segari Melintang tidak jejaskan penduduk'

Gopeng: Penyahwartaan 548.1 hektar Hutan Simpan Segari Melintang di Teluk Mengkudu, di daerah Manjung untuk aktiviti kuari tidak akan menjejaskan kesejahteraan penduduk.

Menyuarakan, Datuk Seri Saorani Mohamad, berkata kerajaan negeri tidak membuat keputusan sewenang-wenangnya, sebaliknya perkara itu diluluskan Pejabat Tanah dan Galian (PTG), selepas dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Mineral Geosains (JMG).

"Kerajaan negeri tidak sewenang-wenangnya membuat keputusan untuk menyahwarta kawasan hutan simpan. Sebelum dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, perkara itu terlebih dahulu akan dirujuk dan jika semua jabatan tekoikal tiada bantahan, ia akan diluluskan."

"Jika tanya penduduk, semua

tidak suka kepada perubahan, tetapi kita kena ingat dalam masa sama kerajaan negeri perlu memajukan ekonomi," katanya selepas meninjau operasi makmal analisis mineral, Terra Mineral Lab di Perviaran Teknologi, dekat sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan beberapa perubahan (NGO) berkaitan alam sekitar yang meminta kerajaan negeri mempertimbangkan semula keputusan penyahwartaan Hutan Simpan Segari Melintang.

Mereka mendakwa, penyahwartaan kawasan hutan simpan itu dibatalkan sejak Mei tahun lalu, sementara jentera berat dilihat sudah masuk membuka kawasan itu dipercayai bagi pembangunan kuari.

Dakwa NGO berabit, perkara itu merosakkan kualiti air laut, menjejaskan perniagaan komuniti nelayan serta mengocikan



Gambar Jilid Hutan Simpan Segari Melintang pada 2021.

(Foto: Ihsan BH/AAU)

kawasan pendaratan penyua.

Mengulas lanjut, Saorani berkata, kerajaan negeri mengambil maklum kebimbangan di kalangan penduduk, namun

mengingatkan langkah itu perlu untuk memajukan pendapatan negeri.

"Dalam proses kita bangunkan negeri, kita tak ada pilihan

melainkan mengorbankan beberapa perkara, tetapi dalam masa sama kita menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**